

21/05/2001

Cina Sabah boleh jadi ahli Umno (HL)

Lichong Angkui; Muhd Yusuf Abu Bakar; Shamsul Kamal Amarudin  
KOTA KINABALU, Ahad - Umno, sebuah parti Melayu, hari ini buat pertama kali menerima kaum Cina menyertainya bagi menampung ahli Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) yang dibubarkan.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perlembagaan parti itu tidak perlu dipinda kerana kelonggaran yang membenarkan kaum Cina menganggotai Umno terhad kepada Sabah saja.

"Umno ialah parti untuk orang Melayu, tetapi oleh kerana pentingnya kita berkembang di Sabah, kita telah menerima Bumiputera bukan Islam sebagai ahli parti dan sekarang kita akan terima orang Cina juga dalam Umno," katanya.

Beliau menjelaskan demikian kepada pemberita selepas mengumumkan perisytiharan pembubaran Akar pada perhimpunan khas parti itu di Hotel Magellan Sutera, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, kelonggaran yang diberikan kepada kaum Cina Sabah itu juga tidak akan menjejaskan keanggotaan parti komponen Barisan Nasional (BN) lain.

Katanya, walaupun Umno Sabah sedia menerima bekas ahli Akar yang dibubarkan hari ini, termasuk daripada kaum Cina, jumlah mereka tidaklah besar.

Dengan mengambil contoh parti Gerakan dan MCA, beliau berkata kewujudan kedua-dua parti itu yang mempunyai jumlah ahli di kalangan kaum Cina yang ramai, kedudukan mereka dari segi keanggotaan kaum itu tidak terjejas.

Beliau berkata, penyertaan orang Cina dalam Umno tidak seramai keahlian kaum Cina dalam Gerakan dan MCA manakala penyertaan Cina dalam Gerakan pula tidak menjejaskan MCA dan Parti Progresif Rakyat (PPP).

"Lagipun ia hanya membabitkan Umno Sabah sahaja kerana negeri itu agak istimewa, sejak awal lagi Umno sanggup menerima Bumiputera bukan Islam dan di Kedah, Umno turut menerima kaum Thai menyertainya," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan Umno membuka pintu kepada orang Cina pada masa depan, Presiden Umno berkata: "Mengapa tidak, jika kita sudah sampai ke satu tahap bila kita tidak lagi memikirkan mengenai kaum masing-masing.

"Kita kena lihat sejarah Umno yang ditubuhkan pada awalnya semata-mata untuk orang Melayu dan tidak boleh bekerjasama dengan Cina dan India, tetapi ketika berjuang untuk kemerdekaan mereka sanggup bekerjasama."

Perdana Menteri berkata, dulu ketika pengasas Umno, Datuk Onn Jaafar mengambil keputusan membuka pintu Umno kepada orang Cina, pada waktu itu (orang tidak suka) kerana terlalu awal.

Tetapi, katanya, apabila Tunku Abdul Rahman mengambil alih Umno dan mengubah kaedah kerjasama dengan orang bukan Melayu (bukan sebagai ahli Umno), tetapi sebagai rakan dalam Perikatan, ia diterima.

Beliau juga berkata proses kerjasama di antara kaum turut mengambil masa yang panjang untuk berjaya.

"BN perlu bertindak sebagai sebuah parti bukan sebagai gabungan parti komponen seperti yang ada sekarang...ini mengambil masa yang panjang..kita tidak perlu terlalu terburu-buru.

"Di Malaysia, proses penerimaan sesuatu pembaharuan mengambil masa yang panjang. Kita tidak boleh mengubahnya dalam sekelip mata kerana ia menimbulkan masalah walaupun perubahan itu untuk kebaikan," katanya.

Ditanya sama ada kemasukan kaum Cina Sabah dalam Umno mendapat sokongan ahli parti itu di Semenanjung, Dr Mahathir berkata mereka sentiasa menyokong Umno Sabah yang mempunyai ahli yang menganut pelbagai agama.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata, parti-parti komponen BN di Semenanjung juga menerima keputusan yang dibuat oleh Umno.

Menjawab satu soalan sama ada parti-parti komponen BN di Sabah harus bergabung dalam tiga parti utama, Perdana Menteri berkata parti-parti komponen di Sabah hendaklah terus bekerjasama terlebih dahulu.

"Mereka perlu bekerjasama dulu, tetapi jika mereka dapati lebih baik mempunyai jumlah parti yang kecil, kenapa tidak. Contohnya, apabila Akar dibubarkan dan ahlinya menyertai Umno, Umno Sabah akan menjadi lebih kuat.

"Sebelum ini, ahli Akar bekerjasama rapat dengan Umno dan oleh itu, tidak sukar bagi mereka bergerak dalam parti itu (Umno)," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan dua hari ke Sabah berkata, beliau difahamkan ramai ahli Akar yang terdiri daripada keturunan Cina rela menyertai Umno Sabah.

Katanya, walaupun Umno pada mulanya untuk orang Melayu saja, setelah memandang betapa pentingnya berkembang ke Sabah, ia memutuskan menerima Bumiputera bukan Islam di negeri itu dan sekarang ini Umno terima pula orang Cina.

Beliau berkata, secara umum majoriti ahli Umno masih orang Melayu yang beragama Islam dan sekarang Umno buka (keahlian) kepada orang dari agama lain, bahkan orang dari keturunan lain.

(END)